

Headline	SPNB bina rumah mampu milik rakyat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 Jun 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	29	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	700 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,962
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,886



# SPNB bina rumah mampu milik rakyat

**S**YARIKAT Perumahan Negara Berhad (SPNB) ditubuhkan pada 21 Ogos 1997 untuk menyediakan rumah mampu milik yang berkualiti kepada setiap keluarga di Malaysia mengikut objektif perumahan negara.

SPNB, anak syarikat milik penuh Kementerian Kewangan Diperbadankan (MOF Inc.) memainkan peranan lebih luas dalam menawarkan beberapa program perumahan.

Program-program itu termasuk Rumah Aspirasi Rakyat, Rumah Program Mesra Rakyat dan Program Rumah Idaman untuk memastikan mereka yang berpendapatan rendah dapat memiliki rumah yang selesai.

Program Rumah Mampu Milik menawarkan projek perumahan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana terutamanya di kawasan pedalaman dan kawasan bandar tertentu.

Bagi mewujudkan pembangunan yang lebih berdaya maju dan menyeluruh selain kekal menumpukan kepada pembangunan sosial, SPNB memperkenalkan Rumah Aspirasi Rakyat di kawasan-kawasan utama.

Langkah ini membolehkan warga Bumiputera memiliki rumah di kawasan bandar dalam persekitaran lebih moden dan eksklusif pada harga berpatutan berbanding yang ditawarkan pemaju lain.

Rumah Idaman Rakyat adalah berkonsepkan pembangunan ber-

campur, dengan harga rumah berada dalam lingkungan RM70,000 hingga RM350,000 sebuah dan harga kedai kurang daripada RM1 juta sebuah di atas tanah negeri atau Kerajaan Persekutuan atau tanah milik agensi kerajaan.

Program Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) diperkenalkan sejak tahun 2002, untuk memudahkan golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki tanah untuk membina rumah sendiri dengan pelbagai reka bentuk.

Manakala, Aspirasi sebuah anak syarikat SPNB (SPNB Aspirasi) yang beroperasi pada 2 Mei 2014 bertanggungjawab mengambil alih Program Perumahan Mampu Milik (RMM) dan memastikan projek perumahannya siap dibina.

Dalam usaha meninjau peluang baharu, Aspirasi mempunyai matlamat untuk melaksanakan penjenamaan semula dan membina imej sebagai pemaju perumahan komersial di bawah konsep "Rumah Aspirasi Rakyat".

SPNB Aspirasi berjaya menyiapkan sebanyak 17,288 buah rumah dengan nilai pembangunan kasar (GDV) keseluruhannya bernilai RM1.8 bilion dalam projek perumahan kos rendah dan sederhana di beberapa buah negeri termasuk Sa-

bah serta Sarawak dan sedang giat menyiapkan sebanyak 4,997 buah dengan nilai GDV RM1 bilion dan dalam pembinaan di beberapa buah negeri seperti Pahang, Melaka, Jo-

hor, Kedah dan Kelantan.

Dalam usaha Aspirasi memperkukuhkan kedudukan di dalam pasaran, projek-projek baharu diperkenalkan dengan melibatkan pembangunan komersial dengan

jangkaan nilai keseluruhan GDV sebanyak RM9.1 bilion. Dengan perancangan dan pembangunan projek-projek baharu ini, syarikat kini berada pada landasan yang sewajarnya untuk menyatukan imejnya sebagai pemaju perumahan komersial selain mengukuhkan kedudukan dalam pasaran dan menjadi lebih berdaya saing.

Aspirasi dijangka akan melancarkan

beberapa projek baharu pada tahun ini termasuk pembangunan Ei8-theen@Cyberjaya, pangsapuri servis di Ampang, Selangor dan pangsapuri di Sentul berdekatan Lebuhraya DUKE.

Manakala Rumah Idaman Rakyat merupakan program sokongan kepada seruan kerajaan dalam memastikan warga Malaysia mampu memiliki rumah. Harga yang ditawarkan

dalam Rumah Idaman SPNB bermula dari RM250,000 sebuah.

Antara komposisi pembangunan yang ditawarkan adalah rumah bandar dua tingkat, rumah teres, rumah berkembar dan rumah banglo.

Di antara lokasi-lokasi pembangunan dalam peringkat akhir perancangan adalah di Jasin, Melaka; Bentong, Pahang; Semeling, Kedah dan Ulu Kinta, Tambun, Perak.

Headline	SPNB bina rumah mampu milik rakyat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 Jun 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	29	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	700 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,962
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,886



**ANTARA** projek yang dilaksanakan oleh Aspirasi.

Headline	SPNB bina rumah mampu milik rakyat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 Jun 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	29	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	700 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,962
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,886

